

China puji langkah bijak Malaysia
Utusan Online
06 Februari, 2013

KUANTAN 5 Feb. - China memuji langkah kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mewujudkan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) di Gebeng, dekat sini, hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Persidangan Perundingan Politik Republik Rakyat China (CPPCC), Jia Qinglin berkata, usaha itu adalah cara terbaik merapatkan lagi hubungan sedia terjalin antara kedua-dua negara.

"Saya memuji langkah Perdana Menteri Malaysia atas sokongan dan kerjasama yang diberikan bagi merealisasikan MCKIP ini.

"Tahniah kepada kerajaan Malaysia dan syarikat dari negara ini yang sedia bekerjasama dengan syarikat dari negara kami," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian taman perindustrian itu yang disempurnakan Najib.

Qinglin berkata, MCKIP merupakan komitmen bersama Perdana Menteri China dan Malaysia untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala dari sudut ekonomi kedua-dua negara.

"Kedua-dua negara kini melakukan pelbagai bentuk kerjasama terutama dalam bidang ekonomi dan dalam masa sama, kita berkongsi budaya yang seterusnya akan merapatkan lagi hubungan," katanya.

Beliau berkata, Malaysia menjadi rakan dagangan utama China di ASEAN selama lima tahun berturut-turut.

Menjelang akhir 2012 katanya, pelaburan sebenar bersama China-Malaysia mencapai AS\$7 bilion (RM21.61 bilion) melibatkan lebih 5,000 projek.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130206/dn_04/China-puji-langkah-bijak-Malaysia